

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah Takaful myMortgage?

Takaful myMortgage ialah pelan caruman tunggal kumpulan takaful keluarga yang menawarkan perlindungan takaful dengan jumlah perlindungan tetap untuk **30** tahun. Ia membayar manfaat sekali gus jika orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) semasa tempoh sijil.

Pelan ini menggunakan konsep Syariah seperti:

Tabarru'	- Derma untuk tujuan kebajikan. - Anda menderma amaun daripada Akaun Peserta (AP) kepada Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko") untuk membantu peserta lain.
Wakalah	- Suatu kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya. Wakil tersebut akan melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. - Dalam pelan ini, anda memberi kami kuasa untuk menguruskan sijil, dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran Wakalah dan penyelenggaraan sijil.
Ju'alah	- Kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada satu pihak lain yang mencapai keputusan yang ditentukan. - Anda membenarkan kami untuk menerima 10% daripada keuntungan pelaburan daripada AP sebagai insentif prestasi atas pencapaian kami dalam menguruskan AP.
Qard	- Pinjaman tanpa sebarang faedah. - Kami akan meminjamkan sejumlah wang kepada Dana Risiko tanpa faedah jika Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
Hibah	- Pemindahan pemilikan aset daripada penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. - Manfaat yang perlu dibayar daripada Dana Risiko diberikan sebagai Hibah. - Penama boleh menerima manfaat yang perlu dibayar sebagai Hibah jika penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan **caruman tunggal RM26,045.00**, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Kematian/KMK	RM500,000.
Matang	Sebarang baki dalam AP.

Takaful keluarga anda **tidak melindungi**:

- Kematian** akibat bunuh diri dalam tahun pertama sijil anda.
- KMK** yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau KMK berpunca dari:
 - cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri;
 - penerbangan, meluncur atau sebarang aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, kru kabin atau penumpang penerbangan;
 - perang, revolusi atau apa-apa seperti perang;
 - melanggar undang-undang atau cedera semasa melakukan, mencuba atau mencetuskan serangan atau jenayah;
 - berada di bawah pengaruh alkohol, dadah atau bahan yang boleh mengubah minda; atau
 - dengan keadaan yang berkaitan dengan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada sijil untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan
RHB terdekat



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman Takaful	RM26,045.00
Tempoh: Caruman tunggal (bayaran sekali sahaja)	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):	
Yuran Wakalah	42.5% dari caruman takaful atau RM11,069.13 , untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).
Komisen	10% dari caruman takaful atau RM2,604.50 .
Caj penyerahan	RM100
Duti setem	Dibayar Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material, seperti keadaan perubatan anda dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau sijil anda ditamatkan.
- Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada AP anda kepada Dana Risiko. Jumlahnya berbeza-beza berdasarkan umur dan jantina yang anda capai. Jumlah Tabarru' tidak dijamin, dan kami berhak untuk menyemaknya. Kami akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum perubahan berkuat kuasa.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera jika berlaku kejadian yang boleh membawa kepada tuntutan. Sebarang jumlah yang terhutang kepada kami akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang perlu dibayar

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah anda bayar (ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon untuk menyerahkan sijil anda dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Sebarang baki di dalam AP selepas ditolak caj penyerahan akan dibayar, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman takaful yang telah anda bayar.

Pembatalan sijil anda tertakluk kepada persetujuan daripada pemilik sijil induk.

NOTA-NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA MESTI MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselai oleh Bank Negara Malaysia.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa wakil jualan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Penerangan Produk.
- ☐ Saya sudah membaca dan memahami maklumat penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

* Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh: